

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 [SELASA]

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan secara terperinci perkembangan dan pencapaian *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) telah mula beroperasi pada 1 Ogos 2016 berikutan termeterainya *Host Country Agreement* di antara Sekretariat CPOPC dengan Kerajaan Indonesia. Sekretariat CPOPC berpejabat di Jakarta, Indonesia dan kemajuan aktiviti-aktiviti di bawah CPOPC adalah seperti berikut:

- (i) pelantikan Pengarah Eksekutif dari Indonesia dan Timbalan Pengarah Eksekutif dari Malaysia;
- (ii) memuktamadkan negara-negara penanam sawit yang akan dijemput untuk menjadi ahli CPOPC. Ini termasuklah Thailand, Papua New Guinea, Colombia, Nigeria dan Brazil;
- (iii) negara-negara utama pengimport minyak sawit sebagai rakan dialog CPOPC. Ini termasuklah India, Kesatuan Eropah, China, Pakistan dan Amerika Syarikat; dan
- (iv) memuktamadkan aktiviti-aktiviti di bawah Jawatankuasa Kerja Harmonisasi Standard dan Jawatankuasa Kerja Zon Ekonomi Hijau.

Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dirancang termasuk:

- (i) pelantikan Pengarah Bahagian dan lain-lain Pegawai bagi memudahkan operasi CPOPC;
- (ii) menganjurkan misi CPOPC peringkat Menteri dan Pegawai bagi menjelaskan pendirian berhubung isu-isu halangan dagangan tarif dan bukan tarif ke negara-negara pengimport utama terutamanya ke Kesatuan Eropah;
- (iii) penubuhan Forum Perniagaan yang bertujuan untuk mempromosikan kerjasama sektor swasta dan menyediakan platform untuk menyampaikan maklum balas berhubung isu-isu berkaitan pembangunan industri sawit; dan
- (iv) penubuhan Forum Pekebun Kecil Sawit bagi mengukuhkan kerjasama dalam meningkatkan kebajikan para pekebun kecil sawit di kalangan negara-negara CPOPC.

Malaysia akan terus bekerjasama dengan Indonesia sebagai negara pengasas CPOPC untuk memantapkan peranan CPOPC dalam meningkatkan imej industri sawit.

Sekian, terima kasih.